

25 FEB 1997

Mahathir-Buku

PM TANDATANGAN BUKU TAKZIAH

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin bahawa hubungan Malaysia dan China akan terus mesra jika tidakpun lebih baik dengan kepimpinan China sekarang.

Katanya pemimpin China Deng Xiaoping yang meninggal dunia Rabu lepas telah meletakkan China pada kedudukan yang baik dan pemimpin kini, Jiang Zemin pastinya akan mengingati cara dan tunjuk ajar Deng.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan China di Jalan Ampang di sini, beliau berkata Malaysia tidak akan menghadapi masalah dengan kepimpinan sekarang kerana hubungan baik yang sudah terjalin di antara kedua-dua kerajaan.

Semasa ditanya sama ada akan berlaku sebarang perubahan dalam kegiatan ekonomi di antara Malaysia dan China, Perdana Menteri berkata ia tidaklah ketara tetapi substantif.

"Dengan hubungan baik dengan Jiang, saya tidak fikir beliau akan melupakan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir disambut setibanya di Kedutaan China itu oleh Kuasa Usaha Zhang Tiegen.

Terdahulu Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu mengetuai anggota-anggota majlis tertinggi parti itu menandatangani buku takziah di kedutaan berkenaan.

Deng meninggal dunia pada usia 92 tahun. Mayatnya dibakar semalam dan akan ditabur ke laut.

Satu upacara memperingatinya diadakan hari ini di Dewan Besar Beijing dihadiri 10,000 orang. -- BERNAMA

SJA RON